

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**APRIL 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

**NOR AZLIN BIN YAAKOP**

bertajuk

**LAPORAN CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN  
BAGI HOTEL SERI ISKANDAR ,JALAN DATARAN PERSIARAN 2,  
32610 TAMAN SERI ISKANDAR ,PERAK DARUL RIDZUAN**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : Abdul Rahman Yusof 14/04/09.

En. Abdul Rahman Yusof

Koordinator kursus : \_\_\_\_\_

Pn. Azizah Md Ajis

Koordinator Program : \_\_\_\_\_

Prof. Madya Dr. Mohd Sabrina Abd.Rashid

## **ABSTRAK**

Projek akhir ini merupakan cadangan membina sebuah hotel milik Syarikat Dayatama Sdn. Bhd. yang berlokasi di Bandar Teknologi seri Iskandar. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mereka bentuk dalaman hotel tersebut. Selain Itu juga, membantu En. Mohammad yakni pengarah hotel tersebut dalam memberikan info berkaitan jenis-jenis ruang yang diperkenalkan dalam ruang hotel tersebut. Beliau mengharapkan dapat memberikan kemudahan kepada pengunjung yang singgah. Rekaan yang dicadangkan adalah bertemakan ‘Rumah Traditional’. Kaedah kajian yang telah dilakukan termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian dengan membuat soal selidik. Kajian dijalankan di hotel beliau yang telah ada di Lumut. Tujuannya adalah untuk mengkaji kelebihan dan kelemahan yang terdapat di dalam hotel yang sedia ada. Kajian-kajian dan pengumpulan data ini akan diterapkan dalam rekabentuk Hotel Seri Iskandar yang akan dibuka nanti dan juga mendapatkan rekabentuk yang selesa dan menarik di samping imej dan gaya yang tersendiri. Objektif utama rekebentuk ini ialah mencadangkan skema warna yang sesuai mengikut konsep, mereka rekaan yang berputatan dengan harga yang sesuai, memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti dan berkesan. Beliau mengharapkan hotelnya dapat menghasilkan beberapa jenis bilik yang pelbagai. Disamping menyediakan kemudahan tambahan kepada pengunjung seperti café dan bilik persidangan. Segala masalah dirujuk berdasarkan kajian yang dijalankan agar dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rekaan hotel tersebut.

<b>Abstrak</b>	i
<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Isi Kandungan</b>	iii-vi
<b>Senarai Rajah</b>	vii-x
<b>Senarai Lampiran</b>	xi

---

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
------------------	-------------------

**BAB 1.0 PENDAHULUAN**

<b>1.1 Pengenalan</b>	2
<b>1.2 Metodologi Kajian</b>	3-7
<b>1.3 Matlamat Kajian</b>	8
<b>1.4 Objektif Kajian</b>	8
<b>1.5 Skop Kajian</b>	9-14
<b>1.6 Halangan Kajian</b>	15
<b>1.7 Kepentingan kajian</b>	16

## **BAB 2.0 KAJIAN LATARBELAKANG KLIEN**

<b>2.1 Sejarah Penubuhan Syarikat</b>	18-19
<b>2.2 Latar Belakang Klien</b>	20
<b>2.3 Carta Organisasi</b>	21
<b>2.4 Visi, Misi, Dan Matlamat Klien</b>	22-23
<b>2.5 Visi, Misi, Dan Matlamat Klien</b>	24-25

## **BAB 3.0 ANALISA TAPAK KAJIAN**

<b>3.1 Lokasi Tapak</b>	26-34
<b>3.2 Analisa Persekutaran</b>	35-54
<b>3.3 Kesimpulan Tapak</b>	55

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Projek ini merupakan cadangan untuk membina sebuah Hotel Seri Iskandar yang dimiliki oleh Syarikat Dayatama Sdn. Bhd. yang bertapak di lot 24-25, Dataran Persiaran 2, Bandar Teknologi Seri Iskandar, 32400 Perak. Tapak yang dipilih adalah begitu strategi kerana disekelilingnya merupakan institut pengajian tinggi seperti Universiti Institut Teknologi MARA Seri Iskandar, Universiti Teknologi Petronas, Pusat Giat Mara dan beberapa buah sekolah berasrama. Disamping itu, ada juga, ada pejabat-pejabat kakitangan yang beroperasi disekitarnya. Seri Iskandar juga merupakan kawasan yang pesat membangun dan ini merupakan langkah yang baik untuk jangka masa panjang. Hotel ini dibangunkan atas sebab di sekelilingnya tidak mempunyai kemudahan rumah tumpangan. Kawasan yang mempunyai kemudahan hotel yang hampir ialah Lumut dan bandar Ipoh yang mengambil masa sejam untuk kesana.

Disamping itu juga, hotel tersebut juga bakal menyediakan kemudahan awam yang lain seperti kafe dan bilik bersidang. Ianya terbuka kepada orang awam disekitarnya dan juga di luar kawasan.